

24/08/2002

Kerajaan ulangi amaran akan guna Akta Hasutan

Magendran Rajagopal

BERANANG, Jumaat - Kerajaan mengulangi amaran akan mengambil tindakan mengikut Akta Hasutan terhadap mana-mana pihak yang cuba mempolitikkan pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengingatkan mana-mana pihak jangan cuba mengapi-apikan isu itu bagi mengelak dikenakan tindakan.

"Kerajaan tidak pernah berniat menghapuskan sekolah aliran Tamil atau Cina dan jaminan ini tidak akan dicabuli. Jangan bangkitkan isu ini untuk membuat rakyat kelam-kabut atau menyusahkan rakyat sehingga melahirkan penentangan rakyat terhadap kerajaan," katanya.

Beliau yang ditemui pemberita selepas merasmikan pembukaan kilang baru Kumpulan Syarikat LCL di sini hari ini, menegaskan demikian ketika mengulas cadangan sesetengah pihak supaya mewujudkan sekolah satu sistem bagi memastikan pelaksanaan dasar kerajaan itu tidak menghadapi sebarang masalah.

Abdullah berkata, soal sekolah satu sistem tidak timbul langsung dan tidak seharusnya dibangkitkan hingga mencetuskan andaian yang kurang tepat.

Katanya, beliau sudah menemui sekumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Isnin lalu dan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin 13 parti komponen Barisan Nasional (BN) dua hari selepas itu bagi membincangkan pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris.

Beliau berkata, satu lagi perjumpaan dengan kumpulan NGO lebih besar akan diadakan esok bagi mendapatkan pandangan serta gambaran menyeluruh berhubung pelaksanaan dasar baru kerajaan itu dan melaporkannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata, sebahagian besar rakyat bersetuju dengan cadangan itu dan hanya menyuarakan pendapat supaya kaedah pelaksanaannya dikaji secara mendalam.

Isu pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menjadi panas apabila tiga pertubuhan, iaitu Persatuan Guru-guru Sekolah Cina (Jiao Zhong), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS) bertekad tidak mahu menerima cadangan itu.

Abdullah berkata, kerajaan akan mengkaji segala maklum balas dan pandangan yang dikemukakan pemimpin parti komponen BN serta NGO berkenaan sebelum membuat keputusan muktamad tetapi menegaskan pelaksanaannya tetap dilakukan dan hanya kaedahnya masih dikaji.